

10/12/1999

Israel: Indonesia nafi Dr M minta bantuan

Johari Mohd in Jakarta

JAKARTA, Khamis - Indonesia hari ini menafikan Presidennya, Abdurrahman Wahid atau Gus Dur membuat kenyataan bahawa Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memintanya menjadi orang tengah bagi merapatkan hubungan Malaysia dan Israel.

Menteri Luarnya, Alwi Shihab berkata laporan majalah antarabangsa, Far Eastern Economic Review (Feer) keluaran 9 Disember itu tidak mempunyai asas sama-sekali.

"Saya sendiri hadir dalam pertemuan Dr Mahathir dengan Gus Dur ketika lawatan rasmi ke Malaysia (awal bulan lalu) dan tidak ada hal-hal berhubung Israel dibincangkan," katanya pada sidang akhbar di pejabatnya di sini.

Beliau mengadakan sidang akhbar itu khusus bagi menjelaskan isu berkenaan.

Feer, dalam ruangan 'Intelligence', memetik Abdurrahman sebagai berkata, Dr Mahathir meminta jasa baiknya untuk "menghubungi dan membantu mewujudkan hubungan yang lebih dekat dengan Israel".

Berikutan itu, Selasa lalu, Menteri Luar Malaysia, Datuk Syed Hamid Albar menafi dan membantah keras laporan majalah yang berpangkalan di Hong Kong itu.

Sambil menegaskan Malaysia tidak pernah berkeinginan menjalin hubungan dengan Israel, Syed Hamid turut mengarahkan Kedutaan Besar Malaysia di Indonesia menyampaikan bantahan keras dan rasa kesal Kuala Lumpur terhadap kerajaan Indonesia, khususnya Gus Dur.

Alwi berkata, Gus Dur tidak pernah mengaitkan Malaysia dengan Israel dalam lawatan beliau ke luar negara. Malah, katanya, beliau tidak pernah mendengar Gus Dur menyentuh mengenai Malaysia dan Israel dalam apa jua perkara pun.

"Dalam pertemuan itu, Gus Dur sangat hormat dengan Dr Mahathir. Tidak mungkin beliau mengeluarkan kenyataan yang dianggap boleh menjejaskan nama baik Perdana Menteri Malaysia.

"Sebab itu ia (laporan Feer) menjadi tanda tanya kepada Indonesia kerana Gus Dur berasa tidak pernah mengeluarkan kenyataan seperti itu.

"Apakah wartawan Feer tersalah kutip atau memang ada kesengajaan atau seseorang itu mempunyai maksud tertentu, ini semuanya menjadi tanda tanya kita," kata Alwi.

Beliau berharap Kerajaan Malaysia memahami dan berpuas hati dengan penjelasan itu kerana Indonesia tidak pernah berniat jahat terhadap negara jirannya.

"Kami kesal dengan laporan majalah itu kerana ia boleh menjejaskan hubungan baik yang sudah lama terjalin antara kedua-dua negara. Kami tidak mahu hubungan baik dengan Malaysia dikeruhkan oleh laporan yang sengaja diputarbelitkan itu," katanya.

Alwi berkata, pegawainya sudah diarah menjelaskan kepada Duta Besar Malaysia di Indonesia, Datuk Rastam Mohd Isa mengenai perkara sebenar dan beliau menerimanya dengan baik.

Ditanya kenapa Gus Dur sendiri tidak membuatkan penjelasan, Alwi berkata ia sama saja kerana beliau sebagai (salah seorang) pembantu presiden.

Beliau berharap isu itu tidak diperbesarkan lagi oleh kedua-dua negara, terutama pada Ramadan sekarang.

"Pada bulan yang mulia ini marilah kita eratkan hubungan kedua-dua negara yang sudah lama terjalin baik," katanya.

Ditanya sama ada Indonesia akan mengambil tindakan terhadap Feer, beliau berkata: "Kalau ada wakilnya di sini, saya boleh berbicara. Kita tidak mahu memperbesarkan masalah. Saya yakin Kerajaan Malaysia percaya sama saya."

Gur Dur sebelum ini pernah membuat kenyataan yang turut menimbulkan kontroversi apabila mengatakan sukar menemui menteri Malaysia kerana mereka sering bermain golf.

(END)